

TIMBALAN PERDANA MENTERI RESMI  
BANGUNAN INGENIEUR

---

Ucapan Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, semasa melakukan Pembukaan Resmi Bangunan **Ingenieur**, Petaling Jaya, pada hari Jumaat 22hb. April, 1977 jam 10.00 pagi.

Saya ucap berbanyak terimakasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah mengundang saya pada pagi ini untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian bagi merasmikan Bangunan Ingenieur yang indah dan tersergam ini. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahmah kepada sekalian ahli-ahli Institusi Jurutera Malaysia atas kejayaan mereka mendirikan bangunan yang permai ini. Seperti yang telah saya sebutkan di dalam kata-kata aluan Buku Cenderamata yang dikeluarkan berhubung dengan upacara pembukaan rasmi Bangunan ini saya menaruh penuh keyakinan bahawa dengan adanya bangunan ini perhatian yang lebih luas akan dapat ditumpukan supaya taraf profesyenal di negara kita ini akan meningkat lebih tinggi lagi sama seperti perkembangan di negara lain.

Dalam rangka kita menjalankan pembangunan negara tidaklah dapat dinafikan bahawa jurutera-jurutera adalah mereka yang memainkan peranan yang penting sekali. Seperti yang kita sedia maklum sebelumnya dapat kita melakukan pembangunan secara pesat maka terpaksa terlebih dahulu kita sediakan jalan-jalan, bekalan-bekalan air, kuasa-kuasa letrik dan sebagainya yang berupa 'infra-structure physical'. Ini menunjukkan bahawa peranan jurutera-jurutera dalam pembangunan negara adalah cukup penting. Dikira dari mata kewangan pula dari sejumlah \$18,000 juta bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Ketiga umpamanya lebih kurang \$6.3 ribu juta adalah untuk pembinaan 'infra-structure physical' yang telah saya sebutkan tadi.

Dalam hubungan ini suka saya mengucapkan syabas kepada jurutera-jurutera perunding tempatan kerana didapati di dalam beberapa tahun yang lampau ini mereka telah mencapai kejayaan yang sangat-sangat menggalakan. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua umpamanya telah lahir beberapa firma jurutera-jurutera **perunding** baru yang telah dapat menjalankan peranan untuk perlaksanaan projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia tersebut. Dan di dalam tempoh jangka masa yang sama juga adalah didapati firma-firma perunding yang telah tertubuh dahulu daripada itu telah pula bertambah besar dan bertambah kukuh keadaannya. Dengan terlancarnya Rancangan Malaysia Ketiga, saya yakin bahawa akan banyak lagi tertubuh firma-firma perunding tempatan yang mungkin pula akan mencapai taraf antarabangsa. Saya katakan demikian berasaskan kepada peluang-peluang yang telah diberi kepada firma-firma ini untuk berbagai jenis projek-projek kejuruteraan. Dengan adanya pengalaman-pengalaman

tambahan ....

yang telah dikumpul semasa menjalankan rancangan-rancangan kejuruteraan bagi Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua sudah tentu firma-firma ini telah mencapai lebih kemahiran dalam beberapa bidang yang tertentu dan dengan demikian dapat menandingi setengah daripada firma-firma antarabangsa untuk mendapatkan projek-projek di luar negara pula. Dengan tercapainya taraf dan kerja yang sedemikian rupa maka perusahaan perunding pada satu ketika akan menjadi salah satu dari foreign exchange earner kepada negara kita ini.

Salah satu faktor yang dapat membantu perkembangan kejuruteraan perunding di negara kita ini ialah dengan terdapatnya bilangan besar jurutera-jurutera yang terlatih. Hingga ke masa ini ada kepadatan lebih kurang 3,500 orang jurutera yang telah pun mendaftarkan diri mereka sebagai jurutera profesyenal dan selain dari itu ada lebih kurang 1,500 orang sebagai jurutera siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Bilangan jurutera-jurutera siswazah pula adalah sedang bertambah pada tiap-tiap tahun dan dengan adanya sumber tenaga yang berkelayakan ini, bidang kejuruteraan di negara kita sudah tentu akan bertambah tinggi mutunya.

Bagi pihak Kerajaan kita memang sedia menggalakkan perkembangan perunding kejuruteraan tempatan. Adalah menjadi dasar Kerajaan memberikan projek-projek kejuruteraan kepada firma-firma tempatan di mana didapati bahawa firma-firma tersebut mempunyai kemahiran dan pengalaman yang sesuai. Walaupun ada projek-projek yang diberi ke firma asing maka syarat yang dikenakan ialah sekurang-kurangnya 30% dari kerja-kerja yang akan dikendalikan itu dijalankan oleh warganegara Malaysia sendiri. Dengan adanya dasar ini Kerajaan berharap bahawa jurutera perunding tempatan akan dapat mengumpulkan segala kemahiran dan pengalaman yang boleh membantu firma-firma tempatan dan kerja-kerja yang bercorak lebih complex dan sophisticated.

Di sini suka saya menyentuh satu perkara yang telah saya diberitahu, iaitu berhubung dengan kadar pembayaran yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh jurutera perunding tempatan. Saya diberitahu bahawa jurutera perunding tempatan telah tidak berpuashati dengan keadaan tersebut. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 Lembaga Jurutera adalah bertanggungjawab selain daripada menjalankan pendaftaran jurutera-jurutera juga menentukan kadar pembayaran atas kerja-kerja yang dijalankan oleh jurutera perunding. Saya telah diberitahu bahawa perkara ini sedang disiasat oleh Lembaga Jurutera dan Lembaga tersebut belumpun lagi siap mengkaji kadar yang sedang dikenakan pada masa sekarang. Oleh yang demikian saya adalah menaruh penuh harapan agar perkara ini dapat diselesaikan dengan segera. Sukacita juga saya menyatakan bahawa jurutera-jurutera perunding bolehlah mengemukakan kes-kes mereka kepada Lembaga Jurutera untuk dipertimbangkan. Dengan adanya perbincangan di antara semua pihak yang berkenaan sudah tentu satu kadar pembayaran yang sesuai dan memuaskan dapat dipersetujui.

Satu perkara lagi yang didapati sangat menggalakan ialah dengan adanya terlibat beberapa jurutera-jurutera profesyenal dalam bidang kerja-kerja kontrak. Ini bermakna bahawa perusahaan kontrak di negara kita ini telah mendapat perhatian dari pihak profesyenal yang akan dapat meninggikan lagi mutu perusahaan ini. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan

tambahan .....

sedia maklum kebanyakan projek-projek pembangunan yang dijalankan pada ketika ini memakan belanja berjuta-juta ringgit dan ini bermakna kontraktor-kontraktor yang terlatih dalam bidang kejuruteraan lebih diperlukan. Dan untuk membolehkan kontraktor-kontraktor tempatan bertanding dengan kontraktor-kontraktor asing, kontraktor-kontraktor tempatan mestilah mempunyai jurutera-jurutera profesyenal yang penuh dengan pengalaman. Saya menaruh penuh harapan agar lebih **banyak lagi** jurutera-jurutera profesyenal melibatkan diri dalam perusahaan kontrak **supaya firma-firma kontrak** tempatan akan dapat mencapai taraf antarabangsa seperti yang telah saya sebutkan itu dengan mendapat pendaftaran dengan Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia umpamanya. Dengan itu mereka melayakkan diri menjalankan kerja-kerja di luar negara kita.

Saya juga telah diberitahu bahawa Institusi Jurutera Malaysia sedang mengambil langkah untuk menjalankan peperiksaan profesyenalnya sendiri. Dengan cara yang sedemikian Institusi ini telah memberi peluang kepada mereka-mereka yang tidak dapat pergi ke Universiti atau ke Maktab yang tinggi mengambil peperiksaan yang tertentu bagi melayakkan diri sebagai seorang jurutera. Selain daripada itu Institusi Jurutera Malaysia juga sedang menjalankan beberapa seminar dan kursus-kursus praktikal untuk jurutera-jurutera. Ini amatlah sesuai dengan tujuan Institusi ini dan kepentingan Negara, iaitu untuk meninggikan taraf kejuruteraan di negara Malaysia kita ini. .

Saya tidaklah hendak mengambil masa yang panjang lebar pada pagi ini. Cuma saya suka sekali **menyatakan** ucapan tahniah saya kepada ahli-ahli Institusi ini dan berharap Institusi ini akan terus maju ke hadapan. Dengan harapan tersebut itu, maka saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bangunan Ingenieur ini.

Sekian, terimakasih.

KUALA LUMPUR,  
22hb. April, 1977. (dikeluarkan pada pukul 11.00 pagi)

TNM/maz

---